

09/03/2003

Formula baru atasi masalah sempadan Malaysia, Thailand

Munaarfah Abu Bakar; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Thailand sedang mencari formula baru bagi menyelesaikan isu pembahagian sempadan membabitkan kawasan Bukit Jeli seluas 42.5 hektar di Tanah Merah, Kelantan yang menjadi pertikaian kedua-dua negara sejak akhir 1990-an lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata masalah itu kini belum dapat diselesaikan berikutan kegagalan kedua-dua pihak mencapai kata

sepakat dalam pembahagian persempadanan membabitkan kawasan berkenaan.

"Kami sedang cari satu formula baru bagi menyelesaikan pembahagian kawasan sempadan berkenaan," katanya kepada Berita Minggu sebelum sidang akhbar mengenai Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan penubuhan Jawatankuasa Kecil Bersama antara Malaysia-Thailand di sepanjang sempadan di bawah kementerian dalam negeri kedua-dua negara.

Isu itu, katanya pernah dibincangkan dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuannya dengan rakan sejawatnya,

Thaksin Shinawatra di Bangkok, Julai tahun lalu.

Kali pertama isu sempadan Bukit Jeli dibincangkan secara formal pada mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (CBC) Malaysia-Thailand ke-41, yang dipengerusikan bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan

Timbalan Perdana Menteri Thailand, Jeneral Chacalit Yongchaiyudh yang juga

Menteri Pertahanan pada Mei 2001.

Malaysia dan Thailand juga cuba mencari kata sepakat bagi menyelesaikan

isu pertikaian kawasan sempadan terbabit ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan kerja dua hari ke Bangkok.

Pada sidang akhbar bersama selepas Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Kesembilan antara Malaysia-Thailand, Syed Hamid berkata, kedua-dua pihak berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai pada mesyuarat itu.

Mengulas lanjut mengenai penubuhan jawatankuasa kecil bersama sepanjang

sempadan, beliau berkata itu bertujuan mengkaji beberapa isu termasuk penggunaan pasport sempadan, penyeragaman prosedur pegawai di kawasan sempadan, meningkatkan kerjasama kerajaan tempatan di kawasan sempadan, meningkatkan kerjasama pembanterasannya penyeludupan hasil pertanian dan komoditi di sempadan serta penyeludupan wanita dan kanak-kanak.

Beliau berkata, pada mesyuarat itu juga kedua-dua pihak bersetuju mengadakan perjanjian rangka kerja baru mengenai barangan dan penumpang dari Thailand melalui Malaysia ke Singapura dan pergerakan barangan dari Malaysia melalui Thailand ke Myanmar, Laos dan Kemboja.

"Saya harap apa saja perjanjian serta rangka kerja yang dibuat mengenai

pe rgerakan ini akan membawa keuntungan dagangan kepada semua pihak yang terbabit," katanya.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga membincangkan kerjasama dalam bidang sains, teknologi, alam sekitar, pendidikan, kerjasama teknikal, latihan kepada pekerja Thailand serta pembanterasannya penyeludupan dadah dalam rangka kerja di kawasan segi tiga Indonesia - Malaysia - Thailand.

"Mesyuarat ini juga bersetuju meluaskan kerjasama termasuk dalam agenda baru seperti kerjasama dalam bidang kebudayaan, tenaga dan penemuan semula

kenderaan curi dan penubuhan Bank Islam di Thailand," katanya.

Sementara itu, Dr Surakiart pada sidang akhbar itu berharap kerjasama lebih erat kedua-dua negara dapat dipertingkatkan dalam menangani isu keganasan pada peringkat sempadan, rantau Asia Pasifik dan antarabangsa.

Ditanya sama ada bantahan segelintir masyarakat Thailand terhadap pembinaan paip saluran gas asli di Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) Malaysia-Thailand menyebabkan projek itu sudah tertangguh lebih setahun, beliau berkata perkara itu tidak tepat.

"Memang ada percanggahan pendapat mengenai perkara itu tetapi tidak ada

demonstrasi diadakan bagi membantah pembinaan paip gas. Biasalah, sekiranya ada percanggahan pendapat terutama dalam membabitkan isu alam sekitar.

"Perkara (penangguhan) itu disebabkan oleh beberapa masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. Bagi pihak kerajaan Thailand, kami menyokong usaha pembinaan projek itu dan dasar itu tidak berubah," katanya.